

Warga UniSZA digalak sertai aktiviti sukan



Ahmad Zubaidi (kanan) menyampaikan trofi kepada wakil pelajar (kiri).

GONG BADAK - Konteks pengembangan kegiatan sukan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bukan bertujuan pertandingan semata-mata, sebaliknya melibatkan aspek pembudayaan secara menyeluruh bagi mewujudkan persekitaran kampus yang sihat dan sejahtera.

Sehubungan itu, pengurusan universiti berkenaan melihat bahawa penglibatan warga kerja dan mahasiswa dalam kegiatan sukan secara terancang dan terarah dalam kerangka disiplin tersendiri mampu menyumbang kepada pembentuk-

an pengalaman kampus yang bermakna dan persekitaran kondusif

Naib Canselor UnisZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif berkata, warga kerja dan mahasiswa disarankan memanfaatkan peluang itu untuk memperbaiki kebolehan masing-masing.

"Kita sedia maklum pembabitan warga kerja dan mahasiswa dalam kegiatan sukan menjadi landasan buat mereka untuk menonjolkan bakat yang ada.

"Gunakan peluang ini sebaiknya dan pihak pengurusan UniSZA sentiasa menyokong penuh pem-

babitian warga universiti ini dalam kegiatan sihat dan bermanfaat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Kecemerlangan Sukan UniSZA 2015/2016 di Dewan Perdana UniSZA, Kampus Gong Badak.

Menurut Ahmad Zubaidi lagi, Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA diberi tanggungjawab untuk membudayakan gaya hidup sihat secara serius dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa melalui pelbagai aktiviti sukan dalam pelbagai skala dan perimeter.